



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
PENGUMUMAN RASMI
KRISIS COVID-19:
TAWARAN MENDUDUKI RESIDEN PELAJAR BAGI PELAJAR TAHUN AKHIR &
BERKEPERLUAN KHAS**

Assalamualaikum. wbh.wbt. dan Selamat Sejahtera

Saudara/saudari Pelajar yang dihormati

Selaras dengan pemakluman daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor ,Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) bertarikh 17 Jun 2020 berhubung keputusan Permohonan Pelajar Semester/Tahun Akhir untuk Kembali Ke Kampus , **SUKACITA** dimaklumkan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) **MENAWARKAN** kemudahan penginapan di Residen Pelajar sebagaimana berikut:

UMP Kampus Gambang	
Residen Pelajar 1 &3	Siswi
Residen Pelajar 2	Siswa
UMP Kampus Gambang	
Residen Pelajar 5	Siswa / Siswi

Senarai nama pelajar yang ditawarkan mengikut Residen Pelajar sepanjang tempoh tersebut akan dimaklumkan melalui *E-Community* pada **29 Jun 2020**.

Pelajar Luar Kampus

- Pelajar perlu hadir ke pejabat Residen Pelajar yang berkenaan (sila rujuk senarai nama dalam hebahan pada 29 Jun 2020) untuk mengisi **Borang Pendaftaran Masuk Ke Residen Pelajar** dan mengisi maklumat di pautan berikut <https://bit.ly/2BBVDaW>.
- Pendaftaran masuk ke Residen Pelajar bermula **1 – 3 Julai 2020 (Rabu - Jumaat)** dalam **waktu pejabat SAHAJA (8.30 pagi – 4.00 petang)**.
- Kemudahan penginapan di semua Residen pelajar adalah pada **kadar harian RM5.00/hari**.

Pelajar Dalam Kampus

- Pelajar yang merupakan penghuni sedia ada Residen Pelajar, proses **pendaftaran keluar asrama tidak perlu dilakukan** namun perlu memaklumkan kehadiran semula ke kampus di pejabat Residen Pelajar masing-masing.
- Bagi penghuni Kolej *DRB-Hicom University Automotive Malaysia* (DHUAM), pelajar perlu hadir ke Residen Pelajar 5 untuk pendaftaran masuk (pelajar perlu melakukan proses pendaftaran keluar bagi kediaman DHUAM semasa pendaftaran masuk ke RP5).
- Bagi tujuan pengurusan bilik asrama yang optima, pihak pengurusan Residen Pelajar berhak untuk melakukan penempatan semula bilik penghuni sedia ada.

Peringatan Umum

Pihak JHEPA mengucapkan selamat pulang ke kampus kepada semua pelajar, namun mohon perhatian terhadap perkara berikut:

- Semua pelajar hendaklah pada setiap masa mematuhi SOP dan peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa dan Universiti terhadap pengawalan penularan pandemic COVID-19. Bagi pelajar yang mengalami simptom seperti batuk, sakit tekak, selesema, sesak nafas dan suhu badan melebihi 37.5C perlu membuat pemeriksaan lanjut di Pusat Kesihatan Universiti;
- Bahawa aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran masih dilaksanakan secara dalam talian;
- Pelajar yang terlibat menggunakan perkhidmatan makmal, perlu mematuhi Tatacara Penggunaan Makmal yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Penyelidikan & Inovasi .

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh : 26 Jun 2020

**Tawaran Menduduki Residen Pelajar Bagi Pelajar Tahun Akhir
& Berkeperluan Khas**

s.k

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi

Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan Semua Staf Akademik
dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita